



PASARAN

KORPORAT

AUTO

HARTANAH

TEKNOLOGI

USAHAWAN

LAIN-LAIN (BISNES)

Menteri ekonomi ASEAN, rakan dialog tingkat usaha pemulihan

September 16, 2021 @ 9:06pm



Menteri Kanan merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali - Foto fail NSTP

KUALA LUMPUR: Menteri-menteri ekonomi ASEAN (AEM) dan rakan dialog mereka memperbaharui diplomasi ekonomi serantau, komited untuk mempertingkatkan usaha global supaya memastikan pertumbuhan dan pemulihan yang kukuh menghadapi pandemik COVID-19.

Menteri Kanan merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata komitmen itu dibuat pada rundingan tahunan ASEAN dengan rakan dialog, negara anggota Sidang Kemucak Asia Timur serta pelbagai majlis perniagaan yang diadakan antara 13 dan 15 September 2021.

Rakan dialognya ialah China, Korea Selatan, Switzerland, Amerika Syarikat, Hong Kong, China, India, Kesatuan Eropah (EU), Rusia, Australia, New Zealand, Jepun dan United Kingdom.

"Tema utama perbincangan adalah mengenai usaha untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi daripada pandemik itu dengan semua AEM dan rakan dialog menekankan betapa pentingnya kerjasama global yang berterusan, memastikan akses yang adil serta pengedaran vaksin yang selamat dan berkesan.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- [Malaysia sokong komitmen meterai RCEP akhir 2020](#)
- [RCEP, perjanjian perdagangan bebas terbesar akan ditandatangani Malaysia Ahad ini](#)

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 4m [Nelayan lega muara Sungai Baru dipulihara](#)
- 6m [Tatakelakuan wakil rakyat pelihara kemuliaan institusi Parlimen](#)
- 9m [Teknologi 3D kurangkan buruh pembinaan asing](#)
- 10m [Man Utd mahu balas kekecewaan di West Ham](#)
- 12m [Penduduk Terengganu berkelah sempena peralihan Fasa 3 PPN](#)
- 16m [Lensa baharu ekonomi berteras konsep Keluarga Malaysia](#)
- 18m [Ringgit teruskan penyusutan](#)
- 22m [Soal selidik tambah baik Aplikasi Mudah Alih Nasional](#)

- **ASEAN perlu segera laksana inisiatif ACRF**
- **RCEP penggerak utama integrasi ekonomi serantau - PM**

"Kami juga menegaskan komitmen untuk mengekalkan pasaran terbuka dan memastikan aliran barangan dan perkhidmatan penting serta rantai bekalan berjalan lancar, dan berlanjutan serta memastikan ASEAN kekal berada di barisan depan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Mohamed Azmin berkata, semasa mengadakan libat urus dengan rakan dialog, beliau menekankan usaha Malaysia menuju pembukaan semula ekonomi melalui Pelan Pemulihan Nasional (PPN) dengan penduduk dewasa di seluruh negara dijangka mendapat dos lengkap vaksin COVID-19 pada akhir Oktober 2021.

"AEM dan rakan dialog juga menekankan pentingnya memanfaatkan kemajuan global ke arah ekonomi digital. Berkaitan perkara ini, ketika intervensi saya, saya menekankan pentingnya merapatkan jurang digital untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (MSME) di rantau ini," katanya.

Menurut Mohamed Azmin, menteri dan rakan dialog juga sepakat mengenai perlunya membantu MSME dalam bidang akses dan pembiayaan digital dengan memberi daya tahan ekonomi dalam komuniti perniagaan di rantau ini berdasarkan sinergi Hala Tuju Bandar Seri Begawan: Satu Transformasi Digital ASEAN untuk Mempercepatkan Pemulihan Ekonomi ASEAN dan Integrasi Ekonomi Digital untuk mempercepatkan Pemulihan Ekonomi ASEAN dan Integrasi Ekonomi Digital.

Dalam agenda integrasi ekonomi serantau, beliau berkata beberapa perjanjian perdagangan bebas ASEAN Plus One (FTA) yang kini sedang menjalani proses penambahbaikan telah dibincangkan.

Bagi FTA ASEAN-Australia-New Zealand (AANZFTA), keperluan untuk memastikannya kekal menjadi perjanjian yang beraspirasi dan moden adalah mesej utama disampaikan daripada para menteri, katanya.

Mesyuarat itu juga bersetuju untuk melakukan kajian kemungkinan untuk mengkaji semula protokol peningkatan Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA) dan menyambut baik cadangan untuk menjalankan kajian bersama bagi menambahbaik Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Korea (AKFTA).

"Mengenai kajian yang akan datang Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN-India (AITIGA), menteri-menteri ASEAN dan India sebulat suara setuju bahawa kami akan berusaha sedaya upaya dalam perbincangan itu bahawa kajian dapat dimuktamadkan secepat mungkin.

WAKSIN



WILAYAH Sep 16, 2021 @ 2:42pm

58.8 peratus populasi dewasa Pahang lengkap imunisasi



WILAYAH Sep 15, 2021 @ 9:33pm

Lebih 80 peratus penduduk dewasa Terengganu sudah divaksin



NASIONAL Sep 15, 2021 @ 7:43pm

Aktiviti sukan, rekreasi bersentuhan fizikal dibenarkan



NASIONAL Sep 15, 2021 @ 6:48pm

Vaksinasi remaja di Sabah bermula esok - Hajiji



NASIONAL Sep 15, 2021 @ 6:24pm

CITF-A sasar 60 peratus remaja divaksin menjelang November



NASIONAL Sep 15, 2021 @ 11:57am

Lebih 82,000 Orang Asli terima vaksin COVID-19

TRENDING



BOLA Sep 16, 2021 @ 8:58pm

TMJ nafi salah tafsir isu padang SNBJ



KES Sep 16, 2021 @ 7:44pm

'Luruh jantung saya bila anak tiada dalam kereta'



BOLA Sep 15, 2021 @ 2:34pm

JDT 'lepaskan' Syafiq



NASIONAL Dis 5, 2020 @ 5:29pm

Orang ramai boleh rentas negeri mulai

"Malaysia, sebagai negara penyelaras untuk dialog ekonomi ASEAN-India, akan mengetuai perundingan AITIGA," kata Mohamed Azmin.

Malaysia akan terus menjadi ekonomi terbuka dengan dasar pro-perniagaan dan pragmatik yang menyokong iklim pelaburan di negara ini daripada sudut Aspirasi Pelaburan Nasional.

Beliau menyatakan sokongan kukuh Malaysia terhadap proses kajian ini untuk memastikan bahawa ASEAN Plus One FTA kekal relevan dan kompetitif di seluruh dunia untuk meningkatkan kemudahan perdagangan, memperluas akses pasaran untuk perdagangan barangan, perkhidmatan dan pelaburan serta mempereratkan hubungan perdagangan Malaysia dengan seluruh dunia.

AEM juga menyambut baik penyertaan Pesuruhjaya Perdagangan EU Valdis Dombrovskis ke rundingan itu selepas selang dua tahun, sokongan berterusan daripada EU kepada Komuniti Ekonomi ASEAN melalui pelbagai program dan inisiatif diiktiraf.

Selain itu, AEM menyambut baik penanugerahan status rakan dialog ASEAN baru-baru ini ke United Kingdom dan berikrar untuk terus bekerjasama melalui Program Pembaharuan ASEAN-UK dan gabungan deklarasi menteri mengenai kerjasama ekonomi masa depan ASEAN-UK.

"Malaysia, bersama dengan ASEAN komited untuk melipatgandakan usaha dengan rakan dialog ASEAN untuk bekerjasama dan menyokong pelbagai rancangan dan inisiatif untuk mengaktifkan semula ASEAN serta ekonomi serantau, memastikan kemakmuran dan kelestarian serantau," katanya.

-BERNAMA



[Isnin ini](#)

MYRESIPI

RESIPI Sep 15, 2021 @ 3:37pm



Cara Buat Kek Milo 3 Bahan, Tak Guna Tepung Tapi Tetap Gebu & Lembut!



RESIPI Sep 15, 2021 @ 12:13pm

Tak Suka Makan Daging? Jom Cuba Ayam Meraung Bakar Thai Ini!



RESIPI Sep 15, 2021 @ 10:42am

Resipi Sup Telur Mama Paling Sedap, Anak-Anak Semua Puji!



RESIPI Sep 14, 2021 @ 1:34pm

Resipi Nasi Dagang Guna Rice Cooker, Tak Perlu Rendam & Kukus Pun Menjadi!



RESIPI Sep 14, 2021 @ 11:48am

Cara Buat Waffle Yang Sedap & Garing, Ikut Je Sukatan Mudah Ini!

OHBULAN



KINI TRENDING 34 minit yang lepas

Tiga Kali Keguguran, Syatilla Melvin Sah Hamil Lagi – ‘Kali Ke-6, Doakan...



TIKAM sejam yang lepas

Lelaki ‘Naik Hantu’ Tikam Abang Ipar Sebab Beritahu Dah Makan



SHORTS BIKINI SWIMSUIT

2 jam yang lepas

‘Please Nora Kita Dah Akhir Zaman’ – Belanja ‘Outfit’ Pantai Kena Kecam Netizen,...



RUMAH BARU Sep 16, 2021 @ 12:55pm

Rumah Baru Raffi Ahmad & Nagita Mewah, Siap Ada Lif Khas Untuk Kereta



SHOUT OUT! Sep 16, 2021 @ 12:35pm

Misteri Setiap Barang Antik Dalam Drama ‘Seram Tak Seram’ Bakal Berakhir Malam...

SIRAPLIMAU



SUSU UNTUK BAYI EKZEMA

15 minit yang lepas

Viral Mandikan Bayi Ekzema Guna Peluntur, Ini Jawapan Doktor



FAMILI 43 minit yang lepas

Pernah Kehilangan Isteri, ‘Single Daddy’ Kongsi Tips Jaga Tiga Orang Anak



SIHAT Sep 16, 2021 @ 10:19pm

Sakit Gigi Bongsu: Cara Penjagaan, Kos Cabut Gici & Rawatan / Pembedahan

BERITA BERKAITAN



NASIONAL Sep 16, 2021 @ 7:13pm

Malaysia sokong semakan semula FTA - Azmin



LAIN-LAIN (BISNES) Sep 7, 2021 @ 1:50pm

Menteri ekonomi ASEAN bincang pemulihan serantau



LAIN-LAIN (BISNES) Ogs 24, 2020 @ 8:58pm

AEC tonggak dasar perdagangan Malaysia - Azmin



NASIONAL Nov 13, 2020 @ 2:39pm

RCEP: Malaysia hormati pendirian India enggan sertai - Muhyiddin

Disyorkan untuk anda

Recommended by